

18/11/1998

Projek pembetulan lembap. Di mana silapnya?

PADA 3 November lalu di pembukaan rasmi Forum dan Ekspo Penyelesaian Y2K di The Mines, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah melancarkan Y2K Countdown. Tujuan Y2K Countdown ini ialah untuk mengingatkan dan memberi isyarat kepada semua organisasi bahawa masa kian suntuk, oleh itu syarikat perlu bertindak pantas. Hari ini, tinggal 409 hari saja lagi sebelum kita menghadapi cabaran getir isu tahun 2000.

Sebagaimana yang diterangkan dalam artikel yang lalu, Y2K bukan isu komputer atau teknologi saja. Ia adalah isu perniagaan penting dan perlu ditangani segera oleh pihak pengurusan tertinggi mana-mana syarikat atau organisasi. Malangnya, masih terdapat banyak organisasi yang masih enggan menerima hakikat bahawa Y2K penting dan masih berleengah.

Menurut pengawasan yang kami lakukan, berikut adalah punca mengapa kebanyakan projek Y2K bergerak lembap:-

1. Tiada pembabitan atau kepemimpinan daripada pengarah syarikat.

Seringkali, misi menangani isu Y2K diserahkan kepada Bahagian Teknologi Maklumat. Ketua bahagian diminta menyediakan kertas kerja cadangan projek untuk mengatasinya. Memandangkan projek Y2K memerlukan belanja yang besar terdapat kebarangkalian tinggi bahawa kertas tersebut sama ada ditolak atau tidak mendapat perhatian sewajarnya.

Bagaimana dapat kita atasi masalah ini? Yang pasti, ia berkait rapat dengan pemahaman pihak pengurusan tertinggi tentang isu Y2K ini, seperti berikut.

2. Tahu tapi kurang faham

Semua orang sudah tahu apa itu isu Y2K dan sudah tentu pengarah tidak terkecuali. Namun tidak semua termasuklah pengarah faham atau percaya ia boleh menjejaskan perniagaan mereka. Mereka juga mungkin menganggapkan isu Y2K sebagai terlalu teknikal, jadi tidak perlulah mereka cuba mengupasnya terlalu dalam. Akibatnya, ia diambil sambil lewa saja.

Pegawai tertinggi syarikat boleh memahami isu ini ialah dengan menimba pengetahuan dan pengalaman pengarah daripada syarikat lain yang sedang gigih memimpin syarikat mereka dalam menyelesaikan masalah Y2K ini.

Misalnya, maklumat itu boleh didapati jika mereka mengambil bahagian dalam Pikom CEO2CEO Talk on Y2K. Ia bukan sesi teknikal, malah pada sesi pertama pada 13/11/1998 lepas, dengan beberapa ketua pegawai eksekutif (CEO) memberi taklimat, CEO lain yang hadir telah mendapat kesedaran hingga mereka mengesyorkan CEO kenalan mereka untuk mengambil bahagian dalam sesi yang akan diulangi kelak. Sesi CEO2CEO Talk on Y2K yang akan datang akan diadakan pada 4/12/98, 10 pagi ke 1 tengah hari di Hyatt Regency Saujana. Maklumat lanjut boleh didapati dengan meneleponi Cik Sharon Tong di no. tel. (03) 704 1899.

3. Tiada senarai keutamaan misi

Memandangkan masa yang kian suntuk, adalah mustahil untuk syarikat membaiki segala bahagian yang terjejas. Oleh itu, syarikat dinasihatkan untuk menumpukan sepenuh perhatian kepada alatan, perkakasan dan perisian untuk proses perniagaan yang kritikal saja. Bina senarai inventori sistem dan kategorikan mereka mengikut keutamaan dan tahap kritikal.

Cara memutuskan apa yang kritikal dan bagaimana menyenaraikan keutamaan misi bahagian syarikat diberi dalam buku dari Pasukan Projek Y2K Negara, "Year 2000 -A Practitioners' Guide" yang disumbangkan oleh syarikat Shell. Buku ini diberi percuma di sesi Pikom CEO2CEO Talk on Y2K dan juga boleh didapati dari laman web <http://www.y2k.gov.my>.

Secara ringkas, Shell menyarankan pembinaan satu jadual kategori kritikal (tinggi, sederhana dan rendah) berasaskan faktor berkaitan dengan kepentingan syarikat iaitu, bagi Shell: manusia, aset, persekitaran dan reputasi.

Setiap faktor ini diberi definisi tahap kritikal (misalnya bagi faktor manusia -sedikit kecederaan dikatakan `rendah' dan kecederaan ramai orang dikategorikan `tinggi'). Setiap sistem dan bahagian syarikat disenaraikan mengikut jadual ini dan ia membantu pihak pengurusan menentukan bahagian mana yang mesti diberi pengutamaan tindakan Y2K.

Kesimpulannya, kepemimpinan, pemahaman, komitmen serta kerjasama dalam menguruskan projek daripada pengarah atau pengurusan tertinggi mana-mana organisasi amat penting. Selaku pengarah, mereka mempunyai kuasa untuk meluluskan tindakan Y2K, termasuk memutuskan keutamaan yang mesti diberi dalam memilih operasi organisasi yang mesti bebas daripada masalah Y2K. Masa tidak menyebelahi kita lagi.

"Sedia Y2K - Misi Kami, Cabaran Anda"

Disediakan Pasukan Projek Y2K Negara

(END)